

5. Tahniyah atas pelantikan Prof sebagai Naib Canselor baru USIM. Apakah tumpuan utama Prof selepas diberi tanggungjawab baru ini?

J: Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi, khususnya kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya menjadi wanita kelima di negara ini memacu kepemimpinan universiti.

Terima kasih juga ingin saya zahirkan kepada mantan Naib Canselor USIM terdahulu kerana menyediakan asas yang kukuh untuk saya sebagai naib canselor ketiga membawa universiti ini ke satu tahap yang lebih cemerlang.

USIM ditubuhkan dengan visi, misi, objektif, matlamat dan nilainya tersendiri yang menjadikan universiti ini sebagai institusi pengajian tinggi yang unik. Keunikan inilah yang ingin saya tonjolkan kerana USIM menjadi universiti berteraskan sains dan pengajian Islam dan kedua-dua ini diintegrasikan dengan pendekatan ilmu aqli dan naqli.

Tumpuan utama saya untuk menjadikan bidang sains ini momentum tujuhan utama memacu USIM bersaing dengan institusi perdana sedia ada dan di persada dunia.

5. Apakah sasaran dan matlamat jangka panjang yang ingin dicapai? Apakah pula cabaran atau kekangan yang dijangkakan?

J: Saya ingin membawa USIM dekat kepada masyarakat dan dunia menerusi pendekatan lebih progresif dan dinamik. Matlamat saya ialah menjadikan USIM ibarat Baitul Hikmah iaitu sebagai pusat ilmu atau pusat sehati yang menjana penemuan ilmu kontemporari serta melahirkan cendekiawan ulung dengan nilai Islam. Keilmuan ini seharusnya tidak terbatas dalam kepompong dunia Islam saja malah perlu disebarkan kepada masyarakat umum seluruhnya. Simbiosis ini menjadikan USIM sebagai pusat pengajian tinggi yang sentiasa relevan kepada masyarakat dan arus perdana. Ini bakal memudahkan USIM menerobos pelbagai lapangan keilmuan tanpa sempadan.

USIM mempunyai pelajar terbaik yang datang daripada beberapa sekolah bertekankan agama di negara ini. Saya yakin mereka akan menjadi golongan yang hebat dalam masa sama, ada nilai Islam. Diharap mereka juga dapat kembali ke USIM pada masa akan datang untuk menabur ilmu serta menerajui universiti ini kelak.

USIM mahu bina hospital

5. Apakah komitmen Prof bagi memastikan agenda memperkasakan USIM khususnya bidang pengajian Islam dan sains?

J: Islam ialah agama syumul. Malah, al-Quran dan hadis sendiri tidak membataskan pemahaman agama itu hanya kepada aspek ritual semata-mata. Islam lebih luas. Islam juga ialah cara hidup dan menekankan konsep wasatiyyah dan penekanan kepada umatnya supaya berjihad al-Abrar (suka memberi).

Bidang pengajian Islam dan sains yang ditawarkan di USIM diintegrasikan sepenuhnya. Pendekatan pendidikan Islam tradisional dijenama dan direjuvenasi dengan pendekatan ilmu muasir (kontemporari) supaya dapat melahirkan graduan atau cendekiawan serta profesional yang mempunyai nilai Islam yang tinggi.

Sebenarnya, USIM sudah mempunyai asas dan hanya perlu dikembangkan lagi dengan cara yang betul lagi jitu. Saya selalu mengingatkan bahawa ilmu yang ada ini perlu disebarkan dan dipulangkan kembali akan manfaatnya kepada masyarakat. Ilmu akan terus berkembang jika disebarkan dengan cara yang betul.

Pendekatan yang lebih strategik sedang dirangka untuk diberikan perhatian khusus secara komprehensif dalam mengadakan sains di dalam Islam itu sendiri. Saya akan mengambil komitmen penuh terhadap usaha menjayakan tujuan terbabit.

5. Memandangkan Prof bergiat aktif dalam bidang penyelidikan selama ini di

Universiti Sains Malaysia (USM), apakah harapan Prof terhadap perkembangan dan kecemerlangan USIM khususnya dalam usaha menyaingi kehebatan universiti lain dalam bidang penyelidikan?

J: Sebagai Naib Canselor USIM, saya akan membawa USIM ke arah kejayaan seperti cemerlangnya USM sepanjang lima tahun lalu dalam bidang



Menggalas amanah Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Asma Ismail berkongsi usaha memacu universiti itu ke tahap yang lebih baik. Ikuti transformasi beliau untuk USIM seperti yang disampaikan kepada wartawan Varsiti, BASIR ZAHROM.

penyelidikan. Antara cabaran utama USIM hadapi sekarang ialah kewangan dan penajaan. Bagaimanapun, ini bukanlah halangan besar.

Saya akan sedaya-upaya memperluas aspek penyelidikan di USIM sehingga dipandang tinggi dengan menjadikan penyelidikan di USIM sebagai teras atau tiang utama yang menyokong kepada tiang lain untuk USIM terus berdiri gagah.

Saya melihat USIM sebenarnya mempunyai potensi cukup besar dalam penyelidikan berteraskan unsur Islam. USIM mempunyai Institute of Halal Research and Management (IHRAM) yang boleh dikembangkan lagi jika dikembalikan kepada masyarakat. Maksud saya ialah IHRAM perlu mempergiat lagi kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(JAKIM) untuk memperluas kerjasama pada peringkat antarabangsa.

USIM juga mempunyai World Fatwa Management and Research Institute (INFAD) yang boleh diketengahkan secara optimum. Pelbagai fatwa kontemporari yang perlu diketahui oleh umat Islam seluruh dunia dengan kaedah yang mudah diakses khususnya umat Islam di Malaysia. Sebagai contoh, fatwa berkaitan dengan penyelidikan dalam perubahan jarang sekali dikembang dan diuar-uarkan. Inilah masanya untuk USIM bertindak.

Islamic Finance and Wealth Management Institute (IFWMI) boleh melebarkan sayapnya dengan perancangan yang lebih strategik. Sebagai contoh, pusat ini boleh menjadi pusat strategik memperkembangan Sistem Pelancongan Islam yang semakin mendapat tempat di mata masyarakat.

USIM juga amat istimewa apabila berjaya menghasilkan al-Quran versi Braille. Pelancaran sudah dibuat tetapi kesinambungan daripada usaha murni itu untuk disampaikan kepada masyarakat yang memerlukan perlu dipergiat dan diteruskan.

Setiap perancangan strategik kini sedang disusun dan diperincikan semula. Sebagai permulaan, saya akan melihat prestasi penyelidikan ini setiap bulan secara berkala. Geran penyelidikan yang akan dibawa masuk perlu dilaksanakan segera. Jawatankuasa Paten akan ditubuhkan bagi mengawal selia setiap hak cipta penyelidikan.

Saya juga akan menggalakan USIM untuk mendapat pengiktirafan International English Education Research Association (IEERA). Selain

itu, lima mishkat atau kebitaraan iaitu Halal Compliance, Islamic Wealth Management, Science, Technology and Health, Secure Knowledge Technology and Services dan Ulum Islamiyah and Ummah Development yang menjadi kekuatan USIM selama ini akan diperkukuh lagi.

Bagi membawa pengetahuan kepada masyarakat memerlukan, penyelidikan dan bidang itu memerlukan pelajar pascasiswazah. Peningkatan jumlah golongan itu penting selain penyediaan prasarana kondusif bagi menarik minat mereka untuk belajar di USIM. Kini, USIM ada 10,000 pelajar prasiswazah, 2,000 pascasiswazah. Kapasiti sebenar universiti ini boleh mencapai 17,000 orang. Jadi, saya merancang untuk menambah jumlah pelajar pascasiswazah.

5. Bagaimanakah Prof melihat penerimaan setiap warga universiti dalam menjayakan perancangan universiti dan cabaran pengajian tinggi pada masa depan?

J: USIM ialah universiti yang ke-12 hak milik penuh kerajaan yang sudah beroperasi hampir 13 tahun. Semuda usia penubuhannya, muda juga kakitangannya. Warga muda USIM diperhatikan amat bersedia untuk digilap dan sanggup bekerja dengan lebih keras lagi.

Masa depan USIM dilihat amat cerah dalam pelbagai aspek. Bagaimanapun, setiap sesuatu yang datang pada masa hadapan perlu ditangani sebaik mungkin agar identiti, imej dan citra USIM sebagai institusi ilmu yang bertekankan pengajian Islam dapat dipelihara sampai bila-bila.

Dalam pada itu, cabaran dan rintangan pengajian tinggi hari ini dilihat semakin kompleks dan sukar. Dunia pendidikan terutama pengajian tinggi perlu sentiasa relevan dengan kehendak dan keadaan semasa.

Bagi mencabar rintangan di hadapan bukan sesuatu yang mudah jika USIM tidak bersedia awal. Saya suka mengingatkan diri saya kegalakan bukanlah satu pilihan. Namun, lebih baik gagal selepas mencuba sedaya-upaya daripada langsung tidak melakukan sebarang usaha.

Saya menyeru agar semua warga USIM bergerak, bertindak dan berinovasi dengan lebih gigih demi menegakkan syiar Islam dan kembalikan setiap output keberhasilan kepada masyarakat sejagat. Insyallah, keberkatan ilmu akan memajukan umat Islam sebagai umat terpilih pada masa akan datang.

5. Apakah impian terbesar Prof di USIM?

J: Saya mahu USIM mempunyai hospital sendiri. Jika mengikut giliran, ini mengambil masa lama. Namun, hasrat ini boleh direalisasikan jika individu dan organisasi mempunyai visi dan misi yang sama dengan saya memainkan peranan menghulurkan sumbangan menerusi sistem wakaf mahupun zakat.

Hospital yang saya rancang bukan sembarangan tetapi berkonsepkan Islam yang mengamalkan syariah. Doktor, jururawatnya dan kakitangannya mempunyai nilai Islam terutama graduan USIM. Hospital ini juga menggabungkan semua kepakaran yang ada di USIM daripada sains, perubatan, pemakanan, reka bentuknya, teknologi maklumat, kejuruteraan, konsep halal dan banyak lagi.

Kedudukannya yang strategik iaitu dekat dengan lapangan terbang akan mampu menggalakkan pelancongan perubatan Islam serta memudahkan penduduk Nilai kerana tidak perlu ke Kuala Lumpur atau Seremban. Paling penting hospital ini berkonsepkan kebajikan dengan mengenakan harga berpatutan kepada rakyat dan bantuan perubatan percuma untuk golongan miskin.



Majlis perasmian klinik pergigian fakulti pergigian USIM oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Datuk Ab Rahim Nor (dua dari kanan).